

[VIDEO] Imam hampir dipukul guna selipar ketika solat berjemaah

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI | 26 Mac 2023, 5:26 pm



Tangkap layar video yang dimuat naik di akaun Facebook ILovePahang.

KUANTAN – Tular satu video menunjukkan kejadian seorang lelaki kurang siuman telah memukul imam jemputan Masjid Negeri Sultan Ahmad 1, di sini, pagi tadi.

Video berdurasi 30 saat itu memaparkan seorang lelaki berpakaian baju Melayu dan kain pelekat datang dari arah belakang jemaah lalu bertindak menolak jemaah sebelum memukul imam jemputan terbabit dengan sepasang selipar berwarna putih.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Wan Mohd. Zahari Wan Busu mengesahkan kejadian berkenaan yang dianggarkan berlaku di ruangan solat lelaki masjid berkenaan sekitar pukul 6.18 pagi tadi.

Katanya, menurut kronologi kejadian, imam jemputan yang merupakan pelajar Maahad Tahfiz Thurath Kuantan, Ilhan Muhammad Irham telah memimpin solat subuh di masjid berkenaan pada pukul 6.11 pagi.

“Ketika sekitar pukul 6.18 pagi semasa solat subuh rakaat kedua dengan anggaran bilangan jemaah 80 orang, terdengar suara lelaki menjerit dari arah pintu ‘roller shutter’ masjid di laluan berhadapan bank CIMB.

“Lebih kurang 1 minit selepas itu, sedang imam masih membaca surah dalam solat, seorang lelaki kurang siuman telah bertindak menolak jemaah belakang dan menuju ke imam dengan serta-merta memukul imam dengan selipar di tangannya.

“Imam terus mengelakkan diri daripada serangan itu menyebabkan solat dihentikan,” katanya dalam satu kenyataan kepada media.

Wan Zahari berkata, susulan itu, jemaah telah bertindak menahan lelaki berkenaan yang kemudiannya telah menyerahkan lelaki itu kepada pihak polis untuk tindakan lanjut. – KOSMO! ONLINE